

Najib Ucap Tahniah Kepada Penyelidik Unimap Menang Anugerah Antarabangsa Bernama
Oct 27, 2014

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Isnin mengucapkan tahniah kepada empat penyelidik Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang memenangi enam anugerah pada pameran British Invention Show (BIS) 2014 di London dan satu anugerah khas daripada Haller Pro Invention Foundation di Poland.

Mereka ialah penuntut ijazah Doktor Falsafah Farah Farhana Zainal, pensyarah kanan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik Dr Shahrman Abu Bakar, pensyarah kanan Pusat Pengajian Komputer Dr Amir Razif Jamil Abdullah, dan Prof Dr Rezuwan Kamaruddin.

"Syabas kepada empat penyelidik UniMAP kerana membanggakan kita dengan memenangi anugerah berkenaan," kata Najib dalam akaun Twitter beliau.

Perdana menteri turut berkongsi pautan kepada laman web Bernama, yang menyiarkan berita kemenangan UniMAP itu.

Produk 'Anti Corrosion Coating' kajian Farah Farhana, yang dibentangkan oleh pensyarah kanan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FETech) Dr Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah, dipilih memenangi Anugerah Emas Berganda bagi kategori pengguna, Anugerah Emas Berganda bagi kategori industri dan pengiktirafan anugerah khas daripada Romanian Inventor Forum (RIF).

Sementara itu, produk 'Intelligent Peripheral Hemodynamic Assessment and Diagnosis Tool'(I-PHAD) yang dihasilkan Dr Shahrman dipilih menerima Anugerah Emas Berganda bagi kategori reka bentuk dan anugerah khas Pingat Emas EUROINVENT.

Dr Amir Razif Jamil juga menerima anugerah khas Pingat Emas EUROINVENT bagi produk 'Triple Play Services Zero Cross Correlation for FTTH OCDMA System' yang dihasilkan beliau.

Prof Ir Dr Rezuwan pula menerima anugerah khas daripada Haller Pro Invention Foundation di Poland menerusi inovasinya 'Greenhouse with Fertigation in Tropics'.

Kira-kira 10 negara menyertai pameran itu termasuk tuan rumah United Kingdom, Australia, Romania, Poland, Taiwan, Croatia, Bahrain dan Iran.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1080005>